



JEJAK DENAI KERACHUT-GREEN 4-IN-1

Mawardi Omar, Nor Hanim Abd Rahman

14 September 2022, JSKM telah berjaya menganjurkan program santai bertemakan konsep ukhuwah dan cintai bumi hijau, dikenalpasti dengan nama “Jejak Denai Kerachut-Green (4-in-1)” di Taman Negara Pulau Pinang, Teluk Bahang. Program ini merupakan program kerjasama antara empat Jabatan *Servicing* UiTM cawangan Pulau Pinang yang terdiri daripada Jabatan Sains Komputer dan Matematik (JSKM), Jabatan Sains Gunaan (JSG), Akademi Pengajian Bahasa (APB) dan Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS). Seramai 24 orang peserta telah menyertai program ini termasuk 3 peserta luar. Program ini merupakan antara inisiatif pertama menggabungkan keempat-empat jabatan *servicing* ini. Alhamdulillah.

Program bermula dengan berkumpul di Pintu Utama Taman Negara Pulau Pinang dengan sarapan pagi beramai ramai yang disediakan oleh pihak penganjur. Taklimat ringkas diadakan oleh ketua program, Encik Mawardi Omar, serta senaman ringkas yang dikendalikan oleh Puan Suhaiza dari JSG sebelum mula bergerak melalui laluan denai ke Pantai Kerachut. Jejak Denai bermula pada jam 10.40 pagi bermula dari Pintu Masuk Utama Taman Negara sehingga ke Pantai Kerachut. Ia mengambil masa 90 ke 120 minit perjalanan dengan cara berjalan. Laluan awal pendakian adalah sedikit curam di kawasan berbukit, kemudian diikuti laluan landai sehingga sampai ke Jambatan Pantai Kerachut.

Sepanjang perjalanan menerusi denai ini, kami menyaksikan suasana hutan simpan yang tenang, redup sambil mendengar bunyi siulan burung-burung di situ serta deruan anak sungai. Di sini juga, kami dapat melintasi anak sungai yang jernih dan dapat menyejukkan muka dengan airnya yang sejuk lagi menyegarkan. Setelah hampir 1 jam 30 minit perjalanan, akhirnya kami tiba di Pantai Kerachut yang indah dan bersih. Di sini kami merentasi jambatan gantung yang merentasi Tasik Meromiktik. Tasik ini merupakan tasik dua alam iaitu pertemuan air tawar dan masin, dan ianya merupakan danau unit yang terdapat di benua Asia.

Antara aktiviti-aktiviti ketika di Pantai Kerachut adalah menikmati suasana pantai sambil berehat bersama hidangan tengah hari yang disediakan setelah mengharungi denai taman negara selama hampir dua jam itu. Di sini juga kami melakukan aktiviti mengutip sampah serta mendengar perkongsian ilmu yang disampaikan oleh Ustaz Dr Muhammad Anas dari ACIS berkaitan dengan nikmat menjaga alam sekitar serta kepentingan menjaga hubungan sesama insan. Setelah mendengar perkongsian ilmu itu, kami meneruskan aktiviti dengan melawat tapak konservasi penyu yang terdapat di Taman Negara Pulau Pinang ini. Sekitar jam 1.40 petang, kami mula bergerak pulang ke pintu utama taman negara Pulau Pinang dengan menaiki 2 buah bot-laju yang telah ditempah khas.

Program Kerachut ini merupakan salah satu aktiviti riadah yang paling menyeronokkan kerana dapat mengurangkan tekanan kerja sambil mengeratkan ukhuwah antara empat jabatan ini. Semoga usaha sebegini dapat diteruskan lagi di masa-masa akan datang, InsyaAllah.

Go Green!

Antara aktiviti-aktiviti Green-Santai di sepanjang laluan Trekking Pantai Kerachut bersama 24 ahli dari 4 Jabatan (JSKM-APB-JSG-ACIS).

#kredit foto: Semua Peserta

